



NOTIS PERINGATAN

LARANGAN AKTIVITI PENJUALAN SEMUA PRODUK ROKOK ELEKTRONIK (*VAPE*) DI SEMUA PREMIS PERNIAGAAN DI KAWASAN MAJLIS DAERAH MARANG

Sebagaimana yang tuan/puan sedia maklum, Kerajaan Negeri Terengganu telah membuat ketetapan untuk melarang aktiviti penjualan semua produk rokok elektronik (*vape*) di semua premis perniagaan dalam kawasan Majlis Daerah Marang berkuat kuasa mulai **1 Ogos 2025**.

Sehubungan dengan itu, tuan/puan hendaklah memberhentikan aktiviti penjualan semua produk rokok elektronik (*vape*) di premis tuan/puan selaras dengan ketetapan Kerajaan Negeri tersebut.

Kegagalan tuan/puan mematuhi arahan ini boleh menyebabkan tindakan penguatkuasaan diambil terhadap tuan/puan selaras dengan undang-undang yang diterima pakai oleh Majlis Daerah Marang.

**ARAHAN
YANG DIPERTUA
MAJLIS DAERAH MARANG**